

## ISU PERBEZAAN FATWA DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

### FATWA DIFFERENCES ISSUE IN MALAYSIA: A REVIEW

Luqman Hj. Abdullah<sup>i</sup> & Muhammad Ikhlas Rosele<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan (Ph,D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, luqmanabdullah@um.edu.my

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Calon Ijazah Doktor Falsafah/ Felo SLAI, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ikhlas@um.edu.my

#### Abstrak

*Fatwa merupakan satu wasilah dalam menyelesaikan persoalan tentang hukum bagi masyarakat Islam. Kerana itu, apabila berlaku konflik antara berbagai fatwa yang dikeluarkan, ia boleh mewujudkan berbagai masalah dalam masyarakat Islam. Artikel ini bertujuan untuk melakukan analisis terhadap konflik seperti itu di Malaysia. Ia berasaskan kepada satu kajian kualitatif yang dilakukan terhadap beberapa kes konflik antara fatwa yang dikeluarkan oleh berbagai pihak di negara ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa konflik fatwa sememangnya wujud di Malaysia. Ia berlaku atas beberapa faktor dan memerlukan kepada satu jalan penyelesaian.*

Kata kunci: *Fatwa, konflik, Malaysia, pemeraksanaan.*

#### Abstract

*Fatwa as a one of a way to solve muslim's society problems relating hukm. That's why, when conflicts between fatwas issued by the authorities happens, it will cause a various problems in the society. This article aims to study this issue as happen in Malaysia. This study is qualitative in nature, focusing on some cases of conflicts between fatwas in this country. The study shows that there are many factors that cause this conflict in Malaysia and need to some improvements in fatwa coordinations activities in Malaysia.*

Keywords: *Fatwa, conflict, Malaysia, improvement.*

#### PENDAHULUAN

Artikel ini merupakan hasil daripada kajian yang dilakukan melalui projek penyelidikan ilmiah UMRG (RG428-12HNE) tajaan Universiti Malaya dengan tajuk "Konflik Fatwa di Malaysia: Fenomena dan Rangka Penyelesaiannya". Projek penyelidikan ini dilakukan berasaskan beberapa tujuan antaranya adalah untuk mengenal pasti fatwa-fatwa yang berbeza antara jawatankuasa fatwa kebangsaan dengan jawatankuasa fatwa negeri dan antara fatwa negeri-negeri serta faktor-faktor yang menyebabkan konflik atau perbezaan tersebut. Projek ini juga menganalisis metodologi fatwa jawatankuasa fatwa kebangsaan dan jawatankuasa fatwa negeri.

Lantaran itu, artikel ini akan mengemukakan satu analisis perbezaan fatwa yang berlaku di Malaysia. Analisis dilakukan terhadap beberapa fatwa yang terpilih untuk menggambarkan situasi sebenar konflik tersebut. Selain itu artikel ini akan menyenaraikan faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan tersebut serta beberapa cadangan untuk memberi jalan penyelesaian kepada isu dan permasalahan ini.

#### SOROTAN SEJARAH PERBEZAAN FATWA

Perbezaan, konflik atau pertentangan pandangan hukum dan fatwa antara para Sahabat Nabi biasa berlaku. Ia merupakan fenomena biasa pada zaman Nabi SAW dan para Sahabat. Walaubagaimanapun, konflik fatwa yang diputuskan ketika Nabi SAW masih hidup (ketika wahyu masih turun) tidak terlalu nyata. Jika berlaku perbezaan antara para sahabat yang mengeluarkan fatwa, mereka akan merujuk kepada Rasulullah SAW. Sekiranya fatwa atau ijihad mereka benar, ia akan diakui oleh Rasulullah dan ia menjadi Sunnah dan menjadi sebahagian daripada wahyu. Sekiranya diingkari oleh Rasulullah, maka tidak boleh untuk bermal dengannya (al-Sabuni & Khalifah, 1982: 202).

Perbezaan dan konflik fatwa dilihat nyata berlaku setelah wafatnya Rasulullah SAW, di mana ketika itu tugas fatwa telah diambil oleh para sahabat. Ini kerana mereka dapat menguasai ilmu dan sentiasa melazimi Rasulullah SAW pada masa hidupnya serta memahami al-Quran berserta hukum-hukumnya (Khallaf, t.t.: 95). Contoh konflik fatwa yang berlaku dalam kalangan sahabat adalah isu *al-haram*, iaitu jikalau seorang lelaki mengatakan kepada isterinya: "awak haram bagiku". 'Ali, Zayd

bin Thabit dan Ibn 'Umar memfatwakan sebagai jatuh talak tiga, manakala Ibn Mas'ud pula berpandangan jatuh talak satu, sama ada ianya talak *ba'in* atau talak *raj'i* menjadi perselisihan antara mereka. Sedangkan Ubay bin Ka'ab, 'Umar, 'Aisyah berpandangan ia adalah sumpah yang diwajibkan *kaffarah* sekiranya dia melanggar sumpah tersebut. Diikuti Ibn 'Abbas yang berpandangan ia adalah seperti hukum zihar (al-Razi, 1992).

Contoh lain perbezaan fatwa para sahabat adalah dalam isu menikahi wanita ahli kitab. Perbezaan ini dapat dikenalpasti daripada pandangan 'Umar dan Ibn 'Abbas. Ringkasnya adalah seperti berikut (al-Qurtubi, 2006);

1. Khalifah 'Umar memerintahkan Hudhaifah bin al-Yaman menceraikan wanita ahli kitab (yahudi) yang dikahwininya. Alasan tindakan 'Umar adalah risau wanita tersebut adalah wanita sundal atau ia boleh memberi kesan buruk kepada orang-orang Islam.
2. Ibn 'Abbas pula mengharuskan perkahwinan dengan wanita *ahl al-kitab* secara mutlak selagi mana mereka adalah *ahl al-dhimmah*.

Antara faktor berlakunya perbezaan dalam fatwa dalam kalangan para Sahabat adalah (al-Mallah, 2006); perbezaan dari sudut kefahaman terhadap nas al-Quran, perbezaan disebabkan al-Sunnah dan ijtihad dengan akal (*al-ra'y*). Dalam faktor yang disebabkan oleh al-Sunnah, biasanya ia boleh berlaku kerana beberapa aspek, iaitu;

- a. Terdapat Sahabat yang mendengar hadis dalam suatu peristiwa tetapi tidak mendengarnya dalam peristiwa yang lain, maka mereka berfatwa berdasarkan hadis yang ada pada mereka.
- b. Terdapat antara mereka menolak sesuatu hadis kerana perawinya tidak *thiqah* dan sikap berwaspada dalam periwayatan hadis.
- c. Terdapat hadis yang tidak sampai kepada Sahabat.
- d. Mereka berbeza dari sudut penentuan *'illah* hukum.

Aktiviti fatwa terus berlaku sehingga zaman *al-tabi'in*, *tabi' al-tabi'in* dan seterusnya hinggalah pada zaman sekarang. Namun begitu, perbezaan atau konflik dalam fatwa tetap wujud pada setiap zaman atas faktor-faktor tertentu. Fatwa juga boleh berlaku perbezaan kerana berbezanya zaman (*taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman*). Para fuqaha' juga bersepatat menyatakan bahawa perubahan hukum dalam sesuatu kes disebabkan perubahan masa dan tempat. Hukum yang boleh berubah itu adalah hukum yang ditetapkan berdasarkan uruf dan adat (al-Hakami, 1999: 57/66).

Justeru, senario perbezaan fatwa ini bukanlah suatu yang asing dalam tradisi perundangan Islam. Namun bagi realiti Malaysia, perbezaan ini boleh menimbulkan kesan negatif terhadap masyarakat Islam jika pertentangan pandangan tersebut tidak dapat dicerna dengan baik. Kesan negatif yang dimaksudkan antaranya seperti, menimbulkan kekeliruan kepada orang awam, konflik perundangan dan penguatkuasaan serta melemahkan autoriti fatwa.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam artikel ini, pengkaji mengaplikasikan metode pengumpulan data yang sesuai digunakan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan projek kajian, iaitu; metode dokumentasi dan metode temubual. Namun bagi artikel ini data-data diperolehi untuk dianalisis melalui metode dokumentasi. Manakala analisis data pula akan dilakukan secara induktif, deduktif dan komparatif. Analisis dilakukan agar dapatan kajian yang terhasil menjelaskan dan menyelesaikan permasalahan kajian yang dikemukakan.

## REALITI PERBEZAAN FATWA DI MALAYSIA

Perbezaan atau konflik fatwa sememangnya wujud dalam amalan kefatwaan dalam Islam. Hal yang sama berlaku di Malaysia. Namun perbezaan fatwa yang berlaku di Malaysia agak unik berikutan ia adalah perbezaan fatwa antara institusi kefatwaan. Hakikatnya perbezaan fatwa yang berlaku di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk. Bentuk-bentuk perbezaan fatwa yang berlaku adalah (Muhammad Ikhlas, Luqman, Paizah & Mohd Anuar, 2013: 37):

- 1) Perbezaan antara institusi fatwa:
  - a. Perbezaan antara fatwa institusi fatwa kebangsaan dengan fatwa institusi fatwa negeri.
  - b. Perbezaan antara fatwa institusi fatwa negeri dengan fatwa institusi fatwa negeri lain.
- 2) Perbezaan melibatkan fatwa persendirian:
  - a. Perbezaan antara fatwa institusi fatwa dengan fatwa persendirian.
  - b. Perbezaan antara fatwa persendirian dengan fatwa persendirian ulama lain.

Konflik yang melibatkan fatwa persendirian memang lazim berlaku, tidak kira pada zaman sekarang atau zaman silam di pelbagai tempat. Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini, ia hanya menumpukan konflik fatwa yang terjadi antara institusi-institusi yang berautoriti mengeluarkan

fatwa di Malaysia. Berasaskan penelitian yang dilakukan, kajian mendapati dan menyenaraikan beberapa fatwa yang berlaku konflik. Fatwa-fatwa tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Fatwa	Konflik (Mengikut Institusi Fatwa Negeri dan Muzakarah)
1.	Perlantikan Hakim Wanita	Kelantan, WPKL & MJFKMBHEUIM menyatakan harus kecuali dalam kes hudud dan qisas, manakala Pulau Pinang dan Kedah menfatwakan wanita tidak boleh dilantik menjadi hakim.
2.	Uruf Pemakaian Emas	Perbezaan negeri dalam menetapkan kadar uruf pemakaian emas. Contohnya Terengganu menetapkan 850 gram, Melaka 200 gram dan Selangor 800 gram.
3.	Zakat gaji	Pulau Pinang, Selangor, Melaka, WP, Negeri Sembilan, Kelantan dan Sarawak mewajibkan zakat gaji dengan syarat cukup nisab (tidak menjadi syarat melalui haul setahun), manakala Perak mewajibkan apabila cukup nisab dan melalui haul.
4.	ASN dan ASB	Pulau Pinang, Terengganu (tahun 2000) dan Selangor menfatwakan sebagai syubhah atau haram. Walaubagaimanapun Pulau Pinang (1983), Terengganu (1993), WPKL dan MJFKMBHEUIM menfatwakan ianya halal dan harus.
5.	ESQ	WPKL dan Perlis melihat wujudnya unsure-unsur yang menyeleweng dalam praktis ESQ. Walaubagaimanapun Pahang dan MJFKMBHEUIM menyatakan ia tidak menyeleweng.
6.	Yoga	Kelantan, Melaka, Pahang, Perak, Sarawak. WPKL dan MJFKMBHEUIM menfatwakan sebagai haram (secara mutlak). Walaubagaimanapun sekiranya ia dilakukan dengan hanya perbuatan tanpa disertai niat (seolah-olah senaman biasa), Sarawak membolehkan. Manakala Pahang dan Perak menyatakan tidak boleh.
7.	Poco-Poco	Perak menfatwakannya sebagai haram. MJFKMBHEUIM mengharuskan namun masih perlu disemak semula.
8.	Zakat KWSP	Johor, Terengganu dan Selangor berpendapat wajib dengan haul. Sarawak dan MJFKMBHEUIM pula tidak mensyaratkan haul. Namun Perlis menyatakan zakat KWSP tidak wajib atas pencarum.
9.	Kadar Nisab Zakat	Kebanyakan negeri berbeza antara satu sama lain dalam menentukan kadar nisab bagi zakat.
10.	Anak Patung	Kedah menyatakan haram untuk mengukir dan membuat patung kecuali untuk tujuan pendidikan. Manakala Pulau Pinang menfatwakan patung mainan Barbie tidak dibenarkan.
11.	Zakat fitrah melalui SMS	Melaka dan Pahang menfatwakan sebagai harus. Manakala Terengganu menyatakan ia perlu dikaji semula.
12.	Penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam	Perlis berbeza dengan kebanyakan negeri lain dengan menfatwakan ia dibolehkan.
13.	Anak tak sah taraf (Bin dengan bapa)	Perlis berbeza dengan kebanyakan negeri lain dengan menfatwakan ia dibolehkan.

Sebagai memberi gambaran umum terhadap perbezaan fatwa yang berlaku. Kajian ini mengemukakan dua contoh fatwa beserta huraian yang dapat membuktikan perbezaan dalam keputusan fatwa di Malaysia. Contoh fatwa tersebut adalah fatwa mengenai hukum ASN dan ASB dan fatwa zakat KWSP.

#### Fatwa ASB dan ASN

MJFKMBHEUIM Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah memutuskan bahawa hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Berhad adalah harus. Dividend dan bonus yang diterima juga adalah diharuskan. Keputusan fatwa ini berbeza dengan fatwa yang diputuskan oleh sebahagian negeri di Malaysia, contohnya di Negeri Selangor. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 2/2011 yang bersidang pada 12 April 2011 telah memutuskan bahawa Pelaburan ASN dan ASB adalah tidak halal (Jabatan Mufti Selangor).

Perbezaan keputusan fatwa antara dua institusi ini adalah ketara. Walaupun fatwa itu tidak diwartakan sehingga tidak melibatkan perundangan, namun ia mendatangkan kekeliruan terhadap masyarakat. Asas keputusan fatwa MJFKMBHEUIM adalah berasaskan masalah dan menjaga

kepentingan umat Islam. Manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor melihat isu ini berteraskan larangan mencampur adukkan perkara haram dan halal<sup>1</sup>. Perbezaan ini adalah berpunca daripada perbezaan metodologi dan pendekatan di mana satu pihak rigid berpegang pada nas dan pihak yang lain melihat kepentingan dan kemaslahatan umat Islam.

### Fatwa Zakat KWSP

Antara isu yang fatwa yang berbeza adalah zakat KWSP. Contohnya perbezaan antara fatwa antara Terengganu dan Sarawak. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu memutuskan bahawa zakat KWSP diwajibkan apabila pencarum menerima wang tersebut dan melalui haul setahun daripada tarikh penerimaan. Manakala Lembaga Fatwa Negeri Sarawak memutuskan bahawa pencarum digalakkan mengeluarkan zakat sejurus wang tersebut diterima.

Asas perbezaan ini wujud dalam perbahasan haul harta *al-mustafad*, iaitu pemilikan sejumlah harta dalam satu-satu masa. Menurut mazhab yang empat *mal al-mustafad* tidak dikenakan zakat kecuali cukup nisab dan melalui haul setahun (al-Zuhayli, 2004). Walaupun begitu terdapat juga golongan yang tidak mensyaratkan haul<sup>2</sup> bagi zakat *mal al-mustafad*, mereka antaranya ialah Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud, Mu'awiyah, 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, al-Hasan, al-Zuhri dan Imam Ahmad menurut sesetengah riwayat. Al-Qaradawi telah mentarjihkan pendapat yang menyatakan zakat *mal al-mustafad* hendaklah dibayar sejurus diterima (al-Qaradawi, 1994). Oleh itu, perbezaan ini adalah berasaskan pemilihan pandangan dan pentarjihan yang dilakukan oleh institusi fatwa.

### FAKTOR PERBEZAAN FATWA DI MALAYSIA

Berdasarkan analisis dan kajian yang dilakukan mendapati faktor utama ketidak selarasan fatwa ini adalah berikutan kuasa memutuskan fatwa adalah tertakluk kepada negeri-negeri. Ini berasaskan kepada peruntukan-peruntukan berkenaan yang cuma mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi tetapi dalam masa yang sama membataskan kedudukan itu. Pembahagian kuasa antara pihak berkuasa pusat dan negeri-negeri juga melibatkan soal bidangkuasa ke atas Islam. Seperti yang diketahui umum, persoalan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri (Hamid Jusoh, 1991: 34) seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 74(2) dan butiran 1. Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai bidang kuasa Negeri dalam hal yang melibatkan agama Islam dan hukum syara'. Perkara ini telah menjadikan urusan agama merupakan hak eksklusif sesebuah negeri. Oleh itu, fatwa bagi sesebuah negeri adalah menggambarkan kuasa dan autoriti keagamaan yang wujud. Kerana itu, wujudnya perbezaan fatwa kerana wujudnya institusi fatwa yang berbeza.

Selain itu, metodologi istinbat atau fatwa yang berbeza antara negeri dengan negeri telah menghasilkan hukum yang berbeza. Perbezaan metodologi ini dapat dilihat dalam peruntukan enakmen antara negeri Perlis dengan negeri-negeri yang lain. Sebagai contohnya, fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis berasaskan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah tanpa terikat dengan mana-mana mazhab dan sumber ambilan hukumnya juga berbeza<sup>3</sup>. Berbeza dengan pihak berkuasa negeri lain yang menekankan pemakaian mazhab Syafi'i dalam fatwa-fatwa negeri. Contohnya, seperti yang termaktub di dalam peruntukan Seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993. Rentetan ini, banyak konflik fatwa berlaku dalam menangani sesuatu isu. Ini termasuklah dalam fatwa pengharaman rokok, Yoga, ASN-ASB, Poco-poco dan ESQ. Apa yang lebih jelas lagi mengenai perbezaan fatwa negeri Perlis adalah fatwa mengenai nasab anak luar nikah dan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam yang diputuskan bercanggahan dengan negeri-negeri lain.

Peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah terhad sedangkan ia merupakan institusi fatwa kebangsaan yang memainkan peranan yang penting di Malaysia. Ia juga merupakan antara faktor perbezaan fatwa di Malaysia. Ini adalah kerana tujuan Majlis ini adalah untuk menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran seperti mana yang termaktub di dalam perkara

<sup>1</sup> Ia berasaskan hadith yang bermaksud; "Tidak bercampur antara halal dan haram, melainkan mengalahkan yang haram akan yang halal," hadith

<sup>2</sup> Hujah mereka adalah athar sahabat antaranya riwayat 'Ikrimah daripada Ibnu 'Abbas yang bermaksud: "Tentang orang yang memperolehi harta, katanya: dia perlu membayar zakatnya pada hari dia memperolehi harta tersebut". Lihat: Abu 'Ubaid, Al-Qasim bin Salam, *Kitab al-Amwal* (Beirut : Dar al-Syuruq, 1989), 515.

<sup>3</sup> Keputusan Fatwa Mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Dikeluarkan oleh: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. hh. 1 dan 4. Lihat juga: Mohd Akram Dahaman, "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000", 99-100.

14 Peraturan MKBHEAIM (Zaini Nasohah, 2005: 31). Antara tugas lain Majlis ini juga ialah memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Islam Negeri atas perkara-perkara yang berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak membaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran (Hasnan Kasan, 2008: 36).

Tambahan pula, fatwa yang diputuskan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri adalah boleh dipinda (JAKIM). Hanya fatwa yang diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tanpa kebenaran rasmi dari Majlis Raja-raja. Lantaran itu sukar untuk jawatankuasa ini menyelaraskan keputusan fatwa antara negeri-negeri di Malaysia. Selain faktor-faktor tersebut terdapat faktor-faktor lain yang menjadi sebab berlakunya perbezaan fatwa, antaranya; komposisi AJK fatwa yang tidak seimbang antara negeri dan kelayakan akademik mufti dan jawatankuasa penyelidik fatwa yang dilihat lemah (Ahmad Hidayat Buang, 2004: 106).

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan konflik sememangnya wujud dalam fatwa di Malaysia, khususnya perbezaan dalam keputusan fatwa. Beberapa perbezaan fatwa dan konflik ini hakikatnya disebabkan beberapa faktor dan memberi implikasi dari pelbagai aspek. Oleh itu perkara ini perlu dilihat serius oleh institusi, penyelidik dan pihak berwajib. Ia perlu untuk memelihara keharmonian pengamalan agama Islam di Malaysia, secara tidak lansung mampu mewujudkan kesepakatan dalam mempertimbangkan isu keagamaan.

Terdapat beberapa penambahbaikan yang berbentuk cadangan yang ingin dikemukakan. Cadangan ini dituju kepada semua pihak yang terlibat, ringkasnya; dari sudut perundangan perlunya kajian semula, terutamanya di dalam perlembagaan persekutuan yang memberi hak eksklusif agama kepada negeri-negeri. Perlu menyelaraskan metodologi dan kaedah penentuan dan penyelidikan fatwa. Peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia hendaklah dimantapkan serta diperluaskan bidang kuasanya sehingga mampu mengawal selia proses pengeluaran fatwa dalam setiap negeri. Selain itu, pihak atau MJKFMKBHEUIM perlu menghadiri (sebagai panel jemputan) ketika mana sesuatu fatwa ingin diputuskan di peringkat negeri, hal ini membolehkan penyelarasan fatwa berlaku melalui pandangan dan penjelasan yang dikemukakan oleh wakil tersebut. Cadangan terakhir adalah mewujudkan satu jawatan Mufti Negara atau Jabatan Mufti Negara yang menjalankan fungsi dan tanggungjawab khusus serta autoriti dalam lapangan kefatwaan di Malaysia.

## RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman al-Sabuni & Khalifah Ba Bakr. 1982. *Al-Madkhal al-Fiqhi wa Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah: Dar al-Tawfiq al-Namuzajiyah.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. "Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa." Dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- ESQ Leadership Center. About Us. <http://www.esqway165.com/about-us/> (diakses pada 2 Februari 2015)
- Al-Hakami, 'Ali bin 'Abbas. 1999. *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Shar'iyah fi Bilad Ghair al-Muslimin*. Beirut: Muasasah al-Rayyan.
- Hamid Jusoh. 1991. *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. Fatwa Tentang ESQ. <http://mufti.perlis.gov.my/index.php/informasi/koleksi-fatwa/fatwa-akidah/104-fatwa-tentang-esq.html> (diakses pada 7 Mac 2013).
- Jabatan Mufti Selangor. Penilaian Semula Hukum Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) Dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya. <http://www.muftiselangor.gov.my/KoleksiDownload/16062011/ASNASB.pdf> (diakses pada 17 Februari 2013).
- JAKIM. Hukum Amalan ESQ Leadership. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-amalan-esq-leadership> (diakses pada 7 Mac 2013).
- JAKIM. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam. <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia> (diakses pada 6 Februari 2013).
- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. t.t. *'Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islami.
- Al-Mallah, Hussain Muhammad. 2006. *Al-Fatwa: Nasy'atuha wa tatawwuruha, Usuluha wa Tatbiqatuha*. Beirut : Maktabah al-'Ashriyah.

- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail & Mohd Anuar Ramli. 2013. Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. Dalam *Jurnal Fiqh*, vol. 10: 31-56.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Fiqh al-Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Razi, Muhammad bin 'Umar. 1992. *Al-Mahsul fi 'Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. Dalam *ISLAMIIYYAT*, vol. 27, bil. 1: 25-44.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2004. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dar al-Fikr, 2004.

**Akta/Statut/Warta**

Perlembagaan Persekutuan.

Warta Kerajaan Malaysia, Jil. 54, No. 12, P.U. (B) 270.

Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil. 5, No. 10, Sel. P.U. 13.